

Gejala Buli (Part 2)

Azizi bin Hj Yahaya

Oleh itu, bagi menangani masalah ini, kita perlu mencari punaka utama yang terjadinya perlakuan buli ini dikalangan pelajar sekolah. Di dalam penulisan ilmiah ini akan diterangkan definisi buli, faktor terjadinya buli, kesan-kesan buli dan cara menangani masalah buli ini.

Kesimpulannya, masyarakat dan semua pihak perlu mengambil perhatian yang serius kerana masalah ini perlu dibendung sebelum ia merebak dan menggagalkan hasrat dan aspirasi negara bagi melahirkan modal insan yang menjadi contoh di mata dunia.

Buli didefinisikan sebagai satu set tingkah laku yang dilakukan secara sengaja dan menyebabkan kemudaratian fizikal serta psikologi penerimanya. Tingkah laku buli adalah termasuk bersifat mengejek, penyisihan sosial dan memukul (Smith dan Thompson, 1991). Tingkah laku buli boleh didefinisikan sebagai satu perbuatan negatif oleh seseorang yang lebih kuat atau berkuasa terhadap seseorang yang lain yang lebih lemah atau kurang berkuasa secara berulang kali. Tingkah laku buli ialah tingkah laku aggressif yang dilakukan secara berulang kali terhadap orang lain secara individu atau secara berkumpulan (Olweus, 1993).

Malah, tingkah laku aggressif boleh jadi dalam bentuk fizikal atau lisan yang boleh menyebabkan kecederaan atau ketidak selesaan atau kesakitan ke atas individu lain iaitu mangsa buli. Manakala, menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, buli bermaksud perbuatan mendera dan mempermudahkan seseorang supaya dapat menyesuaikan diri dengan suasana baru. Ia juga membawa makna mempermudahkan orang lemah dengan tujuan menggertak atau menakutkan. Perlakuan buli juga merujuk kepada penyalahgunaan kuasa. Penyalahgunaan ini merujuk kepada operasi psikologi dan fizikal yang berulang-ulang terhadap individu yang lemah dan tidak berupaya mempertahankan dirinya dari kumpulan yang lebih berkuasa (Azizi Yahaya, 2007). Setelah dilihat pada definisi buli, dapat dinyatakan bahawa buli adalah perlakuan yang bertujuan untuk memudaratkan mangsa yang lemah yang boleh memberi kesan fizikal dan sosial kepada mangsa.